KERATAN AKHBAR SINAR HARIAN : **21 MAC 2017**



# Mampu tutur bahasa Arab

## Mohamed Radzuan bantu pelancong luar negara yang perlukan khidmat jurubahasa sepanjang berada di KLIA



Mohamed Radzuan bersama sebahagian rakan pejabatnya.

Menjadi tanggungjawabnya membantu pelancong luar negara yang mahukan kepakaran jurubahasa dalam apa jua situasi sepanjang berada di KLIA.

Mohamed Radzuan Mohamed, 61, yang menjawat jawatan Pembantu Tadbir Terminal KLIA Airport (MABH) antara individu yang menjadi tumpuan ramai sekiranya memerlukan khidmat jurubahasa Arab dalam sesuatu majlis rasmi di sana.

"Saya akui bila berjumpa dengan pelancong asing terutama yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Arab, memberi kelebihan kepada saya.

"Tapi bila sesekali berkomunikasi dengan bangsa lain yang mempunyai dialek berbeza kadangkala beri maksud yang tak tepat, malah kadangkala mereka boleh marah kita," katanya menceritakan pengalamannya apabila berkomunikasi dengan pelancong asing yang boleh berbahasa Arab.

Menurutnya, beliau turut menggalakkan generasi muda mendalami bahasa Arab supaya dapat digunakan dalam pelbagai sektor.

"Bila kita dapat jadi jurubahasa, tak kira bahasa apa sekalipun, menjadi kelebihan kepada kita mengetahui apa saja topik yang pelancong asing bualkan.

"Bahkan kalau mereka cerita benda tak baik pasal negara kita pun kita boleh tahu dan sedikit sebanyak kita boleh betulkan fakta," katanya.

*Personaliti* SEPANG





### *Pernah jadi imam*

Pengalaman bekerja sebagai anggota bomba lapangan terbang keselamatan, pegawai 'airside' dan pernah menjadi Imam Masjid Sultan Abdul Samad, KLIA menyebabkan Mohamed Radzuan dikenali ramai.

Ujarnya, semasa bertugas menjadi imam masjid KLIA, beliau banyak mempelajari dan mendalami ilmu agama dengan inisiatif sendiri sehingga pergi berkursus.

"Lebih gembira apabila dapat beri khidmat kaunseling untuk mereka yang datang berjumpa dan minta nasihat pelbagai masalah.

"Sebab itulah saya dilantik menjadi imam besar di bahagian dakwah pengurusan dalaman dan kaunseling selama empat tahun," katanya yang terharu dapat berkhidmat di masjid KLIA.



Mohamed Radzuan dan isterinya, Wan Fauziah.

### *Nak berhenti kerja*

Antara pengalaman yang tidak dapat dilupakan Mohamed Radzuan apabila pada 1998 beliau ditukar ke KLIA dan berkhidmat dalam jabatan bomba.

"Masa tu saya buntu tak berfikir panjang nak berhenti kerja sebab keluarga tak dapat datang sebab rumah sewa pula tak ada.

"Tiga malam saya tidur di Masjid Assobirin, Bukit Changgang sehinggalah dapat rumah sewa, itu pun kena tumpang bersama kawan seramai 18 orang dalam satu rumah.

"Kemudian, selepas tiga bulan barulah dapat cari rumah sewa dan keluarga turut berpindah sama dengan saya," katanya.

Beliau akui bersyukur apabila empat anaknya termasuk isteri, Wan Fauziah Wan Abdullah memahami kerjayanya.

### *Mahir tulisan khat*

Walaupun mempunyai kerja hakiki, tetapi kelebihan menulis tulisan khat menjadikan ia satu bekalan menampung pendapatannya selepas bersara tiga bulan lagi.

Mohamed Radzuan sudah merancang memperluaskan kepakarannya menulis khat sekiranya mempunyai permintaan.

"Buat masa ini memang ambil tempahan menulis khat di mana-mana lokasi atas permintaan tapi bukanlah secara aktif, namun sekadar hobi. Tak mustahil bila dah bersara nanti ia jadi kerja sepenuh masa pula.

"Saya gemar menulis dan ada juga rakan-rakan yang buat tempahan ikut permintaan mereka seperti menulis doa-doa harian, ayat al-Quran dan sebagainya dengan harga yang berpatutan," katanya.

**BIODATA**

**Nama:** Mohamed Radzuan Mohamed
**Umur:** 61 tahun
**Jawatan:** Pembantu Tadbir Terminal KLIA Airport (MABH) merangkap jurubahasa Arab
**Asal:** Pasir Puteh, Kelantan